

Lelaki Indonesia dipenjara dua tahun kerana angkut lapan rakan senegara yang diseludup

KUCHING: Seorang lelaki Indonesia dijatuhi hukuman penjara dua tahun oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam selepas mengaku bersalah mengangkut lapan rakan senegara yang diseludup pada April 2026.

Hakim Wong Siong Tung memerintahkan hukuman penjara bagi Risno Hamidan, 46, untuk dikuatkuasakan mulai tarikh tangkap iaitu 2 April 2026.

Risno mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 26J Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 yang membawa hukuman penjara tidak melebihi lima tahun

dan boleh didenda sehingga RM250,000 atau keduanya sekali jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, Risno yang bertindak sebagai pemandu sebuah kenderaan kenderaan pelbagai guna (MPV) telah mengangkut lima lelaki dan tiga wanita migran diseludup berusia antara 33 dan 58 tahun.

Kesalahan itu dilakukan sekitar jam 10.55 pagi pada 2 April 2026, di tepi jalan berhampiran sebuah lorong di Jalan Biawak, Lundu.

Fakta kes mendedahkan sepasukan penguat kuasa melaksanakan Ops Serkap pada hari kejadian dan me-

eriksa sebuah kereta MPV di hadapan lorong tersebut.

Hasil pemeriksaan mendapati kenderaan berkenaan dipandu oleh Risno dan membawa lapan migran yang disyaki warganegara Indonesia.

Susulan itu, pihak berkuasa menangkap Risno bersama migran-migran terbabit untuk tindakan selanjutnya.

Hasil siasatan mendapati, berdasarkan semakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, tiada rekod kemasukan terkini ke Malaysia bagi kesemua migran yang diseludup itu.

Kelapan-lapan individu tersebut seterusnya didakwa mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63

kerana memasuki negara ini tanpa pas yang sah.

Kesemua migran terbabit terdahulunya mengaku bersalah terhadap pertuduhan di bawah Akta Imigresen itu dan mahkamah kemudiannya menjatuhkan hukuman sewajarnya terhadap mereka.

Tertuduh pula didapati telah terlibat dengan perbuatan mengangkut pendatang yang diseludup dan melakukan kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 26J ATIPSOM 2007.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kong Siew Chuo sementara tertuduh tidak diwakili peguam.



KE PENJARA: Risno (kiri) diiringi pegawai imigresen keluar dari kamar Mahkamah Tinggi selepas dijatuhkan hukuman semalam.